



## SIARAN AKHBAR

### AMARAN MENGENAI PENYALAHGUNAAN SIJIL BRUNEI DARUSSALAM CENTRAL BANK

---

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) telah menerima maklumat daripada orang ramai mengenai imej sijil yang dikatakan dikeluarkan oleh BDCB, lengkap dengan nama dan logo BDCB. Sehubungan dengan ini, BDCB ingin mengesahkan bahawa sijil tersebut adalah palsu dan tidak dikeluarkan oleh BDCB.
2. BDCB menasihatkan orang ramai agar sentiasa berwaspada dan berhati-hati apabila menerima maklumat dan bahan yang dikatakan berkaitan dengan BDCB melalui penyalahgunaan nama, simbol, rekabentuk, atau lambang BDCB. Jika sekiranya orang ramai menerima maklumat yang disyaki mencurigakan serta menggunakan nama dan logo BDCB, orang ramai adalah disarankan untuk menghubungi BDCB bagi pengesahan melalui talian 8318388 atau emel [info@bdcb.gov.bn](mailto:info@bdcb.gov.bn).
3. BDCB ingin menekankan bahawa sesiapa yang menggunakan nama atau logo BDCB tanpa kebenaran bertulis atau menggunakan nama, simbol, rekabentuk atau lambang BDCB yang serupa atau menyerupai nama, simbol, rekabentuk atau lambang BDCB untuk memperdaya/menipu atau menyebabkan kekeliruan atau berkemungkinan untuk memperdaya/menipu atau menyebabkan kekeliruan adalah satu kesalahan di bawah Bab 74A Perintah BDCB, 2010, yang boleh membawa hukuman denda tidak melebihi BND20,000, penjara tidak melebihi tujuh tahun, atau kedua-keduanya sekali.

**Brunei Darussalam Central Bank**

Date: 24 Zulhijjah 1444H / 13 Julai 2023M

Ref: BDCB/MDO/COMMS/3